



KENYATAAN MEDIA

PENGEMASKINIAN SUKAT-SUKAT LANGKAH PENGAWALAN COVID-19

Bandar Seri Begawan, Isnin, 6hb Februari

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu COVID-19 ingin memaklumkan mengenai **pengemaskinian sukat-sukat langkah pengawalan COVID-19 yang akan bermula pada hari Rabu, 15hb., Februari 2023**, seperti berikut:

1. **Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 tidak lagi digunakan sebagai sandaran untuk mengkehendaki kes-kes positif COVID-19 menjalani pengasingan diri mandatori.**

Perkara ini adalah mengambilkira bahawa Negara Brunei Darussalam telah memasuki Fasa Endemik kira-kira setahun yang lalu dan rakyat serta penduduk di negara ini mempunyai tahap imuniti yang tinggi bagi perlindungan masyarakat umum yang diperolehi melalui vaksinasi dan jangkitan semulajadi (*hybrid immunity*). Perkara ini adalah juga selaras dengan garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Maka dengan perubahan ini:

- i) Sesiapa yang positif ujian *Antigen Rapid Test* (ART) adalah **digalakkan** untuk memuatnaik keputusan ART ke aplikasi *BruHealth*. Walau bagaimanapun, **Perintah Kuarantin (*Quarantine Order*) akan ditiadakan** dan digantikan dengan Nasihat untuk Pengasingan Diri.
- ii) Penggunaan **kod berwarna ungu** di dalam aplikasi *BruHealth* adalah masih **dikekalkan**. Walau bagaimanapun, ia akan **digunakan sebagai pengesahan dan tujuan Sijil Sakit sahaja**, dan bukan untuk pengasingan diri mandatori.
- iii) Pada masa ini, kes-kes positif adalah dikehendaki menjalani pengasingan diri mandatori selama lima ke sepuluh hari, iaitu tertakluk kepada hasil ujian ART selepas hari kelima.



Dengan pengemaskinian ini nanti, **kes-kes positif COVID-19 adalah cuma dinasihatkan menjalani pengasingan diri dalam tempoh tiga ke lima hari sahaja**. Sesiapa yang memilih untuk membuat pengasingan diri boleh menamatkan pengasingan diri selepas hari kelima atau pada bila-bila masa menjadi negatif selepas hari ketiga.

2. Kontak-kontak terdekat bagi kes-kes positif COVID-19 adalah **tidak lagi dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri** dan oleh yang demikian, **kod merah di dalam aplikasi *BruHealth* adalah ditiadakan**. Walau bagaimanapun, sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan atau simptom adalah **dinasihatkan untuk membuat ujian ART**.
3. Penjarakan fizikal mengikut ukuran lebar tikar sembahyang (bersaiz besar) bagi sembahyang fardhu berjemaah dan Sembahyang Fardhu Juma'at di masjid-masjid **tidak lagi diperlukan** dan penggunaan tikar sembahyang sendiri **tidak dimestikan**.
4. Dengan adanya perubahan-perubahan ini, gelaran "Protokol Kesihatan bagi COVID-19" adalah digantikan sebagai "**Nasihat Kesihatan bagi COVID-19**" (***Health Advisory***).
5. Sementara itu, Kementerian Kesihatan akan mengemaskinian dan melaksanakan langkah-langkah pengawalan di hospital-hospital dan klinik-klinik (termasuk hospital dan klinik swasta) seperti berikut:
 - i) Para pelawat **tidak lagi dikehendaki** untuk membuat ujian ART sebelum datang mengunjungi pesakit-pesakit di wad-wad;
 - ii) Pemakaian sungkup muka hanya **dimestikan di kawasan-kawasan klinikal** sahaja; manakala
 - iii) Langkah-langkah pengawalan lain adalah **masih dikekalkan** iaitu:
 - Ujian ART akan terus dilakukan bagi pesakit-pesakit yang akan dimasukkan ke hospital untuk rawatan; dan
 - Pesakit-pesakit yang juga dijangkiti COVID-19 akan dirawat di wad-wad pengasingan yang dikhaskan.
5. Sidang Media Mingguan Kementerian Kesihatan akan diadakan mengikut keperluan sahaja dan tidak lagi diadakan secara tetap pada setiap minggu. Walau bagaimanapun, maklumat tertentu mengenai COVID-19 akan terus diberitakan melalui media massa.



Berikutan dengan beberapa laporan mengenai peningkatan kes di beberapa buah negara, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam adalah dinasihatkan untuk tidak perlu berasa cemas atau panik. Jawatankuasa Pandu COVID-19 sentiasa memantau keadaan semasa jangkitan COVID-19 di negara ini serta di peringkat serantau dan global dan membuat penilaian risiko mengenai impaknya terhadap sistem kesihatan di negara ini, di samping memastikan apa jua langkah-langkah pengawalan yang dikenakan adalah bersesuaian, demi menjaga keselamatan, kesejahteraan dan keamanan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Negara ini akan sentiasa bersedia menghadapi apa jua situasi dengan adanya sistem kesihatan yang mantap berserta dengan kadar vaksinasi dan tahap imuniti yang tinggi, sekaligus dapat mengawal situasi berkenaan dengan baik, *Insyaa Allah*. Apa jua perubahan dan pengemaskinian mengenai langkah-langkah pengawalan COVID-19 sudah setentunya akan segera dimaklumkan kepada orang ramai.

Dalam pada itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk memastikan status vaksinasi COVID-19 mereka dikemaskini, sesuai dengan saranan Kementerian Kesihatan. Mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, dos penggalak COVID-19 boleh diberikan kepada mereka yang berumur 18 tahun ke atas yang sudah melebihi enam bulan dari tarikh terakhir mendapatkan vaksin COVID-19 atau dari tarikh mendapat jangkitan COVID-19 iaitu dikira dari tarikh yang terkemudian, dan tanpa mengira jumlah dos penggalak yang telah diterima.

Marilah kita terus berdoa dan bertawakkal ke hadrat *Allah Subhanahu Wata'ala* supaya sentiasa memberikan perlindungan dan keselamatan kepada kita daripada apa jua bencana dan wabak, termasuk jangkitan COVID-19 ini. *Amin ya rabbal 'alamin*.

JAWATANKUASA PANDU COVID-19

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

15 Rejab 1444
06 Februari 2023



MEDIA STATEMENT

UPDATES ON COVID-19 CONTROL MEASURES

Bandar Seri Begawan, Monday, 6th February 2023

With the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the COVID-19 Steering Committee wishes to announce the latest amendments to COVID-19 control measures which will **commence on Wednesday, 15th February 2023**, as follows:

1. Infectious Diseases Act Cap 204 will no longer be the basis for mandatory isolation for positive cases of COVID-19.

This is taking into consideration that Brunei Darussalam has entered the Endemic Phase about a year ago and the people of this country have high level of immunity for collective protection which was achieved through vaccination and natural infection (hybrid immunity). This is also in line with the guidelines of the World Health Organization (WHO).

With these amendments:

- i) Anyone with a positive Antigen Rapid Test (ART) are **encouraged** to upload their ART results to the *BruHealth* app. However, ***Quarantine Order* will no longer be issued** and is replaced with Self Isolation Advice.
- ii) The use of the **purple code** in the *BruHealth* app will be **maintained**. However, its usage will **only be for verification and as a Medical Certificate**, and not for mandatory self-isolation.
- iii) Currently, positive cases are required to undergo mandatory self-isolation for five to ten days, which is subject to ART results after the fifth day.

Therefore, with these changes, **COVID-19 positive cases are only advised to undergo self-isolation for a period of three to five days only**. Those who opt to self-isolate can end their self-isolation after the fifth day or at any time after they are tested negative after the third day.



2. Close contacts of COVID-19 cases are **no longer required to undergo self-isolation** and as such, the **red code on the *BruHealth* app will no longer be in use**. However, anyone with symptoms are **advised to do their ART**.
3. Physical distancing according to the width of prayer mats (large size) for Fardhu prayers in congregation and Friday prayer at the mosques is **no longer required** and the use of own prayer mats **is not mandatory**.
4. With these changes, the term "COVID-19 Health Protocols" will be replaced by **"COVID-19 Health Advisory"**.
5. Meanwhile, the Ministry of Health will update and implement control measures at hospitals and clinics (including private hospitals and clinics) as follows:
 - i) Visitors are **no longer required** to do an ART before visiting inpatients in the wards;
 - ii) The use of face masks are only **mandatory in clinical areas**; while
 - iii) Other control measures are **still** maintained as follows:
 - ART will still be done for patients being admitted to the hospital for treatment;
 - Patients with COVID-19 will be treated in designated isolation wards.
6. Ministry of Health's Weekly Press Conference will only be held if and when required and will no longer be held regularly every week. However, specific information on COVID-19 will continue to be shared through mass media.

Following the reports of surges of cases in several countries, the people of Brunei Darussalam are advised not to worry or panic. The COVID-19 Steering Committee continues to monitor the COVID-19 situation in the country as well as regionally and at the global level and make risk assessments on its impact to the country's health system, while at the same time ensuring that any control measures that are taken are appropriate, so as to ensure the safety, welfare and peace for the people of Brunei Darussalam. The country is always prepared to address any situations, with its excellent health system, supported by high vaccination and immunity rates, which will enable us to control the situation well, *Insyah Allah*. Any



changes or amendments to COVID-19 control measures will certainly be announced to the public.

Meanwhile, the public are advised to ensure that their vaccination status is updated, in line with the Ministry of Health's recommendations. According to the guidelines issued by the Ministry of Health, COVID-19 booster dose can be given to those aged 18 years and above who have passed six months since the date of their last COVID-19 vaccination or from the date of COVID-19 infection, whichever date is later and regardless of the number of booster doses that they have received.

May Allah *Subhanahu Wata'ala* protect us from any kind of unforeseen circumstance and disease, including COVID-19. *Amin ya rabbal 'alamin.*

COVID-19 STEERING COMMITTEE

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

15th Rejab 1444
6th February 2023